

**PKR akan dedahkan dokumen melibatkan Musa-Chia di Hong Kong esok**  
**Malaysian Insider**  
**Disember 11, 2012**  
**Oleh Clara Chooi**

KUALA LUMPUR, 11 Dis — Rombongan kedua PKR diketuai oleh Rafizi Ramli akan bertemu sekali lagi dengan badan pencegahan rasuah Hong Kong esok untuk memberikan dokumen membuktikan pertuduhan pemindahan wang rasuah melibatkan peniaga kayu Michael Chia dan Ketua Menteri Sabah Datuk Musa Aman.

Menurut Rafizi (gambar), bukti — satu set lengkap dokumen transaksi menunjukkan pindahan dana antara tahun 2005 dan 2008 dari firma pembalakan kepada akaun yang dikaitkan dengan Chia — datang dari beberapa rakan kongsi Chia di Hong Kong.

Pengarah strategi PKR berkata rakan kongsi Chia sudah memberikan kesediaan mereka untuk bertemu dengan Suruhanjaya Bebas Pencegahan Rasuah Hong Kong (ICAC), sekiranya agensi tersebut bersetuju membuka semula siasatan kepada Musa dan Chia.

“Saya mengesyaki rakan kongsi sudah bergaduh dengan Chia tetapi saya tidak mahu pergi kesitu. Pokoknya ini adalah dokumen yang hanya mereka mempunyai akses kerana dari akaun British Virgin Island (BVI). Kita tidak boleh akses dengan sendiri.

“Saya percaya ia adalah tulen dan ini adalah apa yang kita akan serahkan kepada ICAC esok,” kata Rafizi dalam satu sidang akhbar di sini.

Untuk melengkapkan timbunan dokumen kewangan, Rafizi berkata PKR juga akan mengemukakan akuan bersumpah yang ditandatangani dari bekas pemimpin Umno Sabah, Datuk Seri Lajim Ukin menyatakan sepanjang beliau dalam parti, beliau tidak pernah diberitahu apa-apa mengenai “sumbangan politik” RM40 juta.

Musa, yang juga merupakan pengerusi Umno Sabah, baru-baru ini dibersihkan daripada dakwaan rasuah mengatakan beliau menerima RM40 juta daripada Chia, dibayar kepadanya kerana menghalalkan aktiviti pembalakan haram di Sabah. Laporan sebelum ini mendakwa bahawa Chia ditangkap dengan wang di Hong Kong pada tahun 2008 dan memberitahu pihak berkuasa pada ketika itu ia adalah untuk Musa.

Akan tetapi menurut Menteri “De facto” Undang-undang Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz dalam jawapannya kepada Parlimen Oktober lalu bahawa Musa sudah dibersihkan dari

tuduhan rasuah selepas badan pencegahan rasuah mendapati bahawa wang tersebut adalah "derma politik" untuk Umno Sabah dan tidak bermaksud untuk kegunaan peribadi Musa.

Rafizi, yang melobi ICAC untuk membuka semula kes itu, berkata bukti dikemukakan esok seharusnya mencukupi untuk menjadi sebab membuktikan Musa dan Chia mempunyai hubungan rasuah.

Pengarah strategi PKR itu mempunyai beberapa kes mahkamah kerana pendedahan yang dilakukannya turut memberikan pemberita melihat beberapa dokumen bukti beliau.

Dokumen-dokumen termasuk salinan beberapa pemindahan telegrafik kredit menunjukkan pembayaran ratusan ribu dolar AS ke akaun HSBC Chia di Singapura.

Pembayaran dibuat pada 7 Jun, 2005, 16 Jun, 2005, 22 Februari, 2006 dan 16 Mac, 2006, dilabelkan sebagai "deposit untuk konsesi", yang didakwa Rafizi sebagai pembayaran oleh firma kayu sebagai sogokan untuk konsesi pembalakan di Sabah.

Rafizi menjelaskan pembayaran ke akaun HSBC Chia di Singapura hanya dibuat pada tahun 2005 dan 2006 dan dipercayai akan dihentikan selepas peniaga memutuskan untuk membuka beberapa akaun luar British Virgin Island (BIV) atas sebab-sebab kerahsiaan.

"Saya fikir Michael Chia menjadi sedikit lebih bijak selepas itu dan tidak mahu namanya begitu terbuka dinyatakan di dalam akaun-akaun ini. Jadi saya percaya beliau menutup akaun-akaun HSBC dan menggunakan akaun BIV untuk sebab-sebab yang sama," katanya.

Rafizi menjelaskan bahawa undang-undang balak Sabah menyatakan dengan jelas bahawa apa-apa perkara yang berkaitan dengan aktiviti tersebut adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, yang diketuai oleh ketua menteri.

Beliau berkata pemindahan wang, yang dibuat sebagai "deposit untuk konsesi" bagi akaun Chia, jelas menunjukkan bahawa ahli perniagaan itu bertindak sebagai orang tengah untuk menerima wang rasuah.

Rafizi juga mendedahkan beberapa transaksi dari akaun luar menunjukkan wang dipindahkan ke Mohammed Hayssam Musa, menurutnya adalah anak Musa.

Dalam satu transaksi, jumlah AUD2,350 (RM7,600) dipindahkan kepada Mohammed Hayssam pada 25 Mei, 2007.

"Secara ringkas, slip semua urusan niaga ini menunjukkan pemindahan wang ke akaun Chia dari firma-firma yang dikaitkan dengan konsesi balak Sabah, selain daripada pemindahan selanjutnya dibuat untuk membeli barangan mewah untuk isteri Chia atau kereta, atau pemindahan kepada anak Musa.

"Ini harus memenuhi permintaan ICAC untuk maklumat lanjut bagi membuka semula kes terhadap Musa," kata Rafizi.

Rafizi dan tiga ahli parlimen PKR lain mula membuat laporan kepada ICAC bulan lalu menyenaraikan tiga sebab untuk menggalakkan agensi tersebut membuka semula siasatan terhadap Musa dan Chia - tuntutan berasingan daripada Lajim dan satu lagi ahli parlimen Sabah RM40 juta daripada Chia merupakan dorongan keuntungan rasuah dan bukannya derma politik kepada Umno seperti didakwa sebelum ini, dan penerimaan kenderaan mewah dari Chia oleh Nazri menteri Umno, mungkin atas sebab-sebab rasuah.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-akan-dedahkan-dokumen-libatkan-musa-chia-di-hong-kong-esok/>